Bil 2 : 2023

KOPLIT

BULETIN KOPLIT

KOPERASI PERUMAHAAN LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERHAD (KOPLIT)

A-03-2, Jalan Medan Pusat Bandar 5,
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Tel: 03-8927 4244, Fax: 03-8927 5244

www.koplit.com.my

ISI KANDUNGAN

1. Kata-kata Aluan Pengerusi KOPLIT 02
2. ALK Sesi 2023/24 03
3. Info KOPLIT 04
4. Perkhidmatan KOPLIT 06
5. Keahlian KOPLIT 10
6. Soalan Lazim (FAQ) 11
7. Aktiviti KOPLIT 12
   - 7.1 Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) 13
   - 7.2 Program Korban Bersama Bank Rakyat 14
   - 7.3 Jejak Kembara Acheh 15
   - 7.4 Sumbangan Kebajikan 17
8. Tazkirah 19

KOPLIT

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI KOPLIT

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum wbt.

Sekali lagi marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kita kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya dapat KOPLIT menghasilkan buletin siri yang kedua ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sacara langsung dan tidak langsung terutama biro kebajikan dan pendidikan sessi 2023/2024.

Tiga komponen penting di dalam koperasi iaitu Ahli Lembaga Koperasi (ALK), pihak pengurusan dan anggota koperasi perlulah memainkan peranan yang penting di dalam menjayakan segala aktiviti KOPLIT. Mereka perlulah mempunyai kefahaman dan kesedaran untuk sama-sama menjayakan apa sahaja aktiviti yang KOPLIT rancang dan laksanakan. Pada umumnya memang terdapat perkembangan KOPLIT yang positif namun masih banyak lagi ruang yang perlu kita lakukan penambahbaikan. Pendidikan koperasi secara profesional dan tarbawi perlu kita tingkatkan lagi untuk kita rasai bersama bahawa penglibatan kita di setiap peringkat adalah ibadah di sisi Allah SWT. Hasrat murni kita adalah untuk cuba memberi sumbangan yang terbaik di dalam membantu ahli-ahli di dalam pelbagai aspek dalam batas kemampuan kita yang ada. ALK perlu berfikir dan merancang perkara yang melibatkan dasar dan projek yang berdaya maju. Pihak pengurusan sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan di dalam operasi dan ahli-ahli pula boleh memberi sumbangan idea dan tenaga di dalam pelbagai aspek untuk membantu koperasi. Usaha bersama ini perlu dilakukan dengan ikhlas dan menepati kehendak syarak dan semoga penglibatan kita secara langsung atau tidak langsung kepada KOPLIT diterima sebagai amal soleh.

Alhamdulillah pelbagai aktiviti telah dapat kita laksanakan pada separuh masa kedua 2023. Di antaranya Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) yang telah dapat dilaksanakan dengan jayanya, pembangunan laman sesawang KOPLIT, projek perniagaan runcit dan juga langkah awal dalam menceburi bidang pelancongan. Penambahbaikan dalam pakej-pakej kebajikan juga telah kita lakukan.

Akhir sekali marilah kita terus berdoa semoga Allah mempermudahkan segala usaha kita dan diberikan kemampuan untuk kita saling bantu membantu di atas dasar keimanan kepada Allah SWT.

AGM KOPLIT 2023

ALK SESI 2023/24

PENGERUSI	DR. AHMAD TARMIZI BIN HASHIM
TIMBALAN PENGERUSI	DR. NIK MUTASIM BIN HJ NIK AB RAHMAN
SETIAUSAHA	MUHAMMAD MUS'AB BIN SA'ARI
PENOLONG SETIAUSAHA	AZRONNIZAN BIN AZIZ
BENDAHARI	ROSLAN NADZRI BIN AZIZ
PENOLONG BENDAHARI I	EISA BIN MOHAMED
PENOLONG BENDAHARI II	HARYADI BIN KATMUN
BIRO KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN	CHE AZIZAH BINTI ISMAIL
PENOLONG BIRO KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN I	ALFIAH BINTI SAMINGAN
PENOLONG BIRO KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN II	M.A. ZAABA BIN YUSOF
BIRO PEMBANGUNAN PERNIAGAAN	ROSLI BIN ADAM
PENOLONG BIRO PEMBANGUNAN PERNIAGAAN	HAMDAN BIN SALEH

INFO KOPLIT

Koplit ditubuhkan bagi menjaga dan membantu kebajikan ahli di samping menjana ekonomi dengan menggalakkan ahli membuat penyimpanan secara tetap melalui caruman bulanan. Dana yang terkumpul ini digunakan untuk pembiayaan dan pelaburan projek KOPLIT, dan keuntungannya dipulangkan kepada ahli melalui dividen. Dana melalui Tabung Kebajikan digunakan untuk membantu ahli yang memerlukan melalui sumbangan kebajikan KOPLIT kepada ahli yang layak. Selain itu, ahli juga boleh mendapatkan kemudahan kredit untuk kegunaan peribadi, pembelian kenderaan, barangan pengguna serta perniagaan.

INFO KOPLIT

PENJENAMAAN LOGO KOPLIT

KOPLIT telah membuat penjenamaan semula logo KOPLIT yang baharu. Penjenamaan ini penting bagi memberi imej baharu yang lebih segar dan profesional. Selaras dengan penjenamaan tersebut, KOPLIT juga telah berjaya membangunkan laman sesawang KOPLIT yang rasmi iaitu www.koplit.com.my bagi menyalurkan maklumat kepada ahli KOPLIT dengan lebih pantas dan mudah seiring dengan kemajuan teknologi digital pada hari ini.

LOGO KOPLIT

Logo KOPLIT terdiri daripada tiga susunan bentuk poligon yang berbentuk huruf 'K' yang mewakili perkataan KOPLIT. Bentuk segi empat berwarna hijau muda seperti bumbung bangunan atau rumah bagi mewakili Koperasi Perumahan.

WARNA LOGO / WARNA TEMA KORPORAT

HIJAU adalah warna identiti alam. Ia melambangkan kesegaran, kedamaian dan ketenangan. Menitikberatkan sifat keterbukaan dalam berkomunikasi. Warna Hijau Muda dipilih bagi mengambil semangat orang muda dalam gerak kerja dalam organisasi.

HITAM melambangkan ketegasan, warna elegan dan kemenangan dalam setiap tindakan dan keputusan yang dibuat.

OREN melambangkan keceriaan, kehangatan, semangat. Memupuk perasaan penuh ukhuwah dalam persahabatan dan berorganisasi.

PUTIH
Latar belakang logo berwarna putih melambangkan bersih, suci dan budi pekerti yang mulia.

PERKHIDMATAN KOPLIT

1. AGEN TAKAFUL & INSURANS

KOPLIT menawarkan perkhidmatan takaful bagi memudahkan ahli, keluarga, kenalan dan juga orang ramai bagi mendapatkan servis seperti:

1. Pembaharuan Takaful kenderaan dan cukai jalan

2.Takaful Projek - Kebakaran, kontraktor All Risk, Workmen Compensation

3. Takaful Kebakaran - kediaman, bangunan perniagaan dan kilang.

4. Takaful Kelompok /pelancongan - Short GPA (lewat dalam Malaysia).

PERKHIDMATAN KOPLIT

2. KEMUDAHAN KREDIT

Ahli KOPLIT yang aktif mencarum layak mendapatkan kemudahan kredit daripada KOPLIT. Mereka boleh menghubungi pihak pengurusan KOPLIT untuk mendapatkan borang permohonan.

1 Pinjaman Qardhul Hasan

- Pinjaman patuh syariah
- Membantu anggota yang memerlukan
- Tempoh bayaran 30 bulan
- RM 3,000 (dalam satu masa)

2 Pembiayaan Kenderaan

- Peruntukan sebanyak RM 100,000 setahun
- Kontrak Bai' bithaman ajil
- Tempoh 60 bulan (5 tahun)

3 Skim Pembiayaan Barangan Pengguna

- Koperasi akan membeli dan menjual kembali kepada anggota.
- Had pembiayaan RM 10,000
- Tempoh 30 bulan

4 Pembiayaan Projek Mudharabah/Usahasama

- Usahasama antara koperasi (pemodal) dan pengusaha
- Projek yang berisiko rendah

PERKHIDMATAN KOPLIT

3. SUMBANGAN KEBAJIKAN

Ahli KOPLIT yang aktif mencarum layak menerima sumbangan kebajikan daripada KOPLIT apabila memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Untuk memohon, boleh menghubungi pihak pengurusan KOPLIT.

01 KEMATIAN

Ahli : RM 1000
Ibu/Bapa : RM 500
Suami/Isteri : RM 500
Anak-anak : RM 300
(12 tahun ke bawah, termasuk meninggal semasa lahir)

02 SAKIT (AHLI)

Rawatan di hospital @ warded
(RM 100/hari, Maksimum RM 500)
Sekali dalam setahun

03 BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

Bantuan awal persekolahan (Anak Ahli)
RM 200 / keluarga

04 MUSIBAH

Banjir / Kebakaran : RM 500
Kemalangan serius: RM 200-500

05 CEMERLANG AKADEMIK (ANAK AHLI)

SPM (5A & ke atas) dan Setara : RM 200
STPM (4A ke atas) dan Setara : RM 200

06 SAGUHATI KEMASUKAN KE IPT

RM 200 (sekali sahaja)

07 GRADUAN IPT (DIPLOMA/IJAZAH)

Anak-anak Ahli : RM 300 (sekali sahaja)



08 PERKAHWINAN (AHLI)

Kahwin kali pertama RM 500

09 KELAHIRAN ANAK (AHLI)

RM 200

Nota:

Tertakluk terma & syarat.
Sumbangan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa koperasi

PERKHIDMATAN KOPLIT

4. PENGEDAR PRODUK HABBAT DAN SATIVA CREAM

Ahli KOPLIT dan orang ramai boleh mendapatkan produk HABBAT & SATIVA CREAM yang diedarkan oleh KOPLIT. Mereka boleh menghubungi pihak pengurusan KOPLIT untuk mendapatkan produk atau untuk info lanjut. Untuk makluman, terdapat promosi istimewa untuk ahli KOPLIT (tertakluk terma & syarat)

HABBAT - Immune booster

RM 75 ONLY

SATIVA - Moisturizing cream

BEST SELLER

HABBAT & SATIVA diformulasikan oleh pakar perubatan tersohor, Professor Dr Mustafa Ali Mohd.

HABBAT-Makanan kesihatan yang diperkaya dengan habbatussauda', vitamin dan garam mineral. HABBAT membantu mengekalkan kesihatan secara menyeluruh dengan bertindak sebagai "immune booster", membantu meningkatkan tenaga untuk kecergasan sepanjang hari. HABBAT dikategorikan sebagai makanan, sesuai untuk kanak-kanak sehingga dewasa. Produk ini merangkumi pelbagai aspek penjagaan sistem imun dan daya tahan badan mengikut aspek perubatan Islam, perubatan tradisi dan masa depan.

SATIVA-Krim pelembab pelbagai guna. Juga dikenali sebagai krim mujarab kerana ia boleh digunakan untuk membantu merawat pelbagai jenis penyakit yang berkaitan kulit seperti eczema, luka dan sebagainya. Ia memelihara kelembapan kulit untuk kulit yang sihat. Diperkaya dengan habbatus sauda' untuk mengawal sistem imunisasi dan menguatkan ketahanan. Mengandungi antioksidan, thymoquinone dan nigellidine yang membantu mencegah keradangan dan mencegah kerosakan pada kulit.

KEAHLIAN KOPLIT

Keahlian KOPLIT terbuka hanya kepada ahli HALUAN yang komited selaras dengan akta koperasi dan undang-undang kecil KOPLIT. Kepada mereka yang berminat dan berkelayakan, boleh memohon untuk menjadi ahli KOPLIT.

Pecahan Caruman Bulanan	RM
Saham / Yuran	10
Simpanan Al-Wadiah	27
Simpanan Hartanah	5
Skim Kebajikan	5
Sumbangan Pentadbiran	3

Saham: RM 500 (Sepanjang Keahlian)

Caruman Bulanan: RM 50

Simpan & nikmati pelbagai manfaat

*Tertakluk terma & syarat

PECAHAN KEAHLIAN MENGIKUT ZON

Statistik Zon 1-

Putrajaya, Bangi, Kajang, Serdang

Bilangan Ahli	212
Ahli Aktif	100
Ahli Tidak Aktif	92
Ahli Meninggal Dunia	4
Ahli Berhenti	3
Keahlian Baru 2023	13
JUMLAH AHLI TERKINI 2023	**192**

Statistik Zon 2 –

Klang, Kuala Lumpur, Cheras dan lain-lain

Bilangan Ahli	359
Ahli Aktif	35
Ahli Tidak Aktif	282
Ahli Meninggal Dunia	11
Ahli Berhenti	31
Keahlian Baru 2023	-
JUMLAH AHLI TERKINI 2023	**317**

KOPLIT

SOALAN LAZIM

Soalan Lazim (FAQ)

Q: Apakah itu KOPLIT?
A: KOPLIT adalah ringkasan nama bagi Koperasi Perumahan Lepasan Institusi Pengajian Tinggi Berhad.

Q: Siapakah yang layak memohon sebagai ahli KOPLIT?
A: Keahlian KOPLIT terbuka kepada ahli HALUAN yang komited, selaras dengan akta koperasi dan undang-undang kecil KOPLIT.

Q: Siapakah ahli aktif?
A: Ahli yang konsisten mencarum setiap bulan di KOPLIT.

Q: Berapakah caruman bulanan KOPLIT?
A: Caruman bulanan KOPLIT adalah sebanyak RM 50. Untuk makluman, ahli KOPLIT perlu melengkapkan jumlah saham sebanyak RM 500 untuk sepanjang keahlian mereka sama ada dibayar sekali gus atau secara ansuran.

Q: Apakah manfaat keahlian KOPLIT yang aktif?
A: Mereka layak mendapatkan kemudahan kredit dan sumbangan kebajikan apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu mencarum sekurang-kurangnya setahun. Ahli yang mempunyai saham penuh RM 500 akan diberi keutamaan.

Q: Bagaimana ingin memohon sebagai ahli KOPLIT?
A: Sila hubungi KOPLIT di talian 019-220 6244 atau email ke info@koplit.com.my

AKTIVITI KOPLIT

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN (MAP)

Telah diadakan pada 25 Jun 2023 bertempat di Dewan Seminar Haluan, Bandar Baru Bangi. Mesyuarat telah dirasmikan oleh wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cik Shazliana Binti Mohd Isa.

PROGRAM KORBAN BERSAMA BANK RAKYAT

Kerjasama KOPLIT dengan Bank Rakyat dalam melaksanakan ibadah korban bagi tahun 2023.

JEJAK KEMBARA ACHEH

Program berbentuk jaulah ini telah diadakan pada 9 – 12 Disember 2023. Program ini dianjurkan oleh KOPLIT dengan kerjasama Naturecation Travel Agency

SUMBANGAN KEBAJIKAN

Sumbangan kebajikan KOPLIT sepanjang Julai 2023 sehingga Disember 2023

KOPLIT

Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) KOPLIT 2023

Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) KOPLIT telah berlangsung dengan jayanya pada 25 Jun 2023 bertempat di Dewan Seminar Haluan, Bandar Baru Bangi. Mesyuarat telah dirasmikan oleh wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cik Shazliana binti Mohd Isa.

KOPLIT

Program Korban Bersama Bank Rakyat

Program korban telah diadakan pada 1/7/23 di bawah pengurusan Surau Al Barakah Bank Rakyat . Majlis penyerahan daging korban kepada peserta dan asnaf pula diadakan pada 15/7/23 di dewan Kolej Teknologi Darul Naim Cawangan Kuala Lumpur . Daging dalam bentuk pek/sejuk beku.

KOPLIT

Jejak Kembara Acheh

Program berbentuk jaulah ini telah diadakan pada 9 – 12 Disember 2023. Program ini dianjurkan oleh KOPLIT dengan kerjasama Naturecation Travel Agency. Kembara ini telah disertai oleh seramai 20 orang peserta dan 3 orang travel guide dari Malaysia dan beberapa orang travel guide dari Banda Acheh . Tempat-tempat yang sempat dilawati adalah

-Kuburan Massal Tsunami Acheh
-Kapal Nelayan Atas Rumah
-Museum Acheh
-Kapal PLTD Apung
-Taman Putri Pahang
-Masjid-masjid di sekitar Acheh
-Pelabuhan Ulee Lheuh
-Pulau Sabang
-Snorkeling di Pulau Rubiah
-Museum Tsunami
-Makan-makan di pelbagai restoran

KOPLIT

Jejak Kembara Acheh

Selain menikmati keindahan alam dan makanan yang enak, para peserta kembara dapat melihat sendiri kesan-kesan peninggalan sejarah terutamanya peristiwa tsunami yang berlaku pada 26 Disember 2004

KOPLIT

Sumbangan Kebajikan KOPLIT

Sumbangan kebajikan kepada ahli dan keluarga ahli KOPLIT dari Julai sehingga Disember 2023

Laporan Sumbangan Kebajikan

KOPLIT

Julai - Disember 2023

SUMBANGAN KEBAJIKAN MENGIKUT JENIS SUMBANGAN

JENIS SUMBANGAN	BILANGAN ANGGOTA TERIMA	JUMLAH
KHAIRAT KEMATIAN	2	RM 1,500.00
KEMASUKAN WAD	6	RM 2,500.00
KELAHIRAN ANAK	4	RM 800.00
PERKAHWINAN	1	RM 500.00
CEMERLANG SPM/STPM	2	RM 400.00
KEMASUKAN IPT	3	RM 600.00
GRADUASI IPT	2	RM 600.00
	20	RM 6,900.00

SENARAI PENERIMA SUMBANGAN

BIL	TARIKH	JENIS SUMBANGAN	PENERIMA	JUMLAH
1	07/07/2023	CEMERLANG SPM	ALIYAH UMAIRAH BINTI MOHD NASARUDDIN	RM 200.00
2	13/07/2023	KELAHIRAN ANAK	AMIRAH BINTI MOHD ZAIN	RM 200.00
3	01/08/2023	KHAIRAT KEMATIAN	KALTHOM BINTI REDZUAN (ABDULLAH THAIDI HASSAN)	RM 1,000.00
4	04/08/2023	KEMASUKAN IPT	ALIYAH UMAIRAH BINTI MOHD NASARUDDIN	RM 200.00
5	18/08/2023	KEMASUKAN KE WAD (3HARI)	MAHYIDDIN BIN TAAT	RM 300.00
6	29/08/2023	KEMASUKAN KE WAD (4HARI)	MOHD NASRUDDIN BIN ABD. RASHID	RM 400.00
7	14/09/2023	KELAHIRAN ANAK	NUR SYAFIQAH BINTI MOHD SABBRI	RM 200.00
8	15/09/2023	KEMASUKAN KE WAD (5HARI)	SITI MAHMUDAH BINTI SAMINGAN	RM 500.00
9	22/09/2023	GRADUASI IPT	AHMAD IRFAN BIN ABDULLAH PIRUS	RM 300.00
10	22/09/2023	KEMASUKAN KE WAD (4HARI)	SUHAIDA BINTI ABDUL KADIR	RM 400.00
11	22/09/2023	CEMERLANG SPM	AISYAH HUMAIRAH BINTI ABDULLAH PIRUS	RM 200.00
12	03/10/2023	KEMASUKAN IPT	NUR ZINNIRAH BINTI RIDUAN	RM 200.00
13	12/10/2023	KHAIRAT KEMATIAN- IBU	UMMIRAMZILAH BINTI AHMAD	RM 500.00
14	17/10/2023	KEMASUKAN KE WAD (5HARI)	SHAMSIAH BINTI SAIDIN	RM 500.00
15	23/10/2023	KELAHIRAN ANAK	IMRAN BIN ROSLI	RM 200.00
16	08/11/2023	PERKAHWINAN	FATHIAH NABIHAH BINTI MOHD SALEH	RM 500.00
17	09/11/2023	KEMASUKAN IPT	AIESYAH BINTI AZIZAN	RM 200.00
18	16/11/2023	GRADUASI IPT	AISYAH SOFIYAH BINTI AHMAD TARMIZI	RM 300.00
19	30/11/2023	KEMASUKAN KE WAD (4HARI)	KHAIRUDDIN BIN ABD RAZAK	RM 400.00
20	14/12/2023	KELAHIRAN ANAK	MUHAMMAD 'IZZAT BIN MOHD GHANI	RM 200.00
				RM 6,900.00

TAZKIRAH

Agar Pahala Terus Menerus Mengalir

Oleh: Dr. Nik Mutasim Bin Hj. Nik Ab Rahman

Setiap orang beriman pastinya meyakini bahawa kehidupannya bertujuan tidak lain melainkan untuk mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Adz-Zariyat ayat 56 bermaksud, “Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada-Ku”. Demikian juga setiap orang beriman meyakini hakikat bahawa kehidupannya adalah sementara dan singkat. Nabi SAW diriwayatkan bersabda bermaksud, Usia umatku antara 60 hingga 70 tahun, dan hanya sedikit yang bisa melampaui usia tersebut (HR. Ibnu Majah).

Bagi siapa yang mampu memenuhi tujuan hidupnya dalam tempoh yang ditetapkan, maka ia dikira berjaya dan layak memperoleh ganjaran yang dijanjikan Allah iaitu redha, keampunan dan syurgaNya. Allah juga telah memerintahkan agar orang beriman bersungguh-sungguh memperbanyakkan amal shalih. Allah berfirman, “Berlomba-lombalah kalian kepada (mendapatkan) ampunan dari Tuhanmu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya. Itulah karunia Allah, diberikan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai karunia yang besar”. (QS Al-Hadid : 21). GanjaranNya, masya-Allah tidak terbayang lumayan.

Justeru, cabarannya ialah bagaimana kita mengoptimakan penggunaan sumber-sumber yang Allah anugerahkan dari sudut usia, tenaga, kekayaan dan nikmat-nikmat yang lain untuk meraih ganjaran terbaik yang dijanjikan Allah SWT? Antara panduan yang disarankan Nabi SAW ialah dengan mengutamakan pelaksanaan amal jariah dalam beramal. Amal jariah ialah amal yang pahalanya mengalir berterusan kepada pelakunya meskipun sudah meninggal. Jelas Nabi SAW bermaksud “Jika manusia mati, maka terputuslah amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariyah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak shalih yang selalu mendoakan orang tuanya.” (HR. Muslim).

KOPLIT

TAZKIRAH

Amal kebaikan pertama yang pahalanya dapat terus mengalir adalah sedekah jariyah. Pelbagai bentuk sedeqah jariyah boleh dilakukan. Antaranya ialah dengan menyumbang dalam pembangunan institusi-institusi amal seperti masjid, waqaf, pendidikan dan seumpamanya. Sabda Nabi SAW bermaksud, "Siapa yang membangun masjid kerana Allah walaupun hanya selubang tempat burung bertelur atau lebih kecil, maka Allah bangunkan baginya (rumah) seperti itu pula di syurga". (HR. Ibnu Majah). Pada hadits ini jelas disebutkan bahwa meskipun 'pelaburan' jariahnya sekecil apa pun, balasan Allah tidak terkira besarnya.

Kedua, ilmu yang bermanfaat. Ilmu yang bermanfaat boleh berbentuk pengajaran ilmu terutama ilmu agama kepada orang lain. Demikian juga penyebaran ilmu melalui penulisan bahan-bahan fikrah, tazkirah dan ilmu pengetahuan yang lain yang manfaatnya dapat dikongsi dengan orang lain. Selama amal kebaikan itu terus dilakukan, maka pelakunya akan terus memperoleh 'dividen'nya. Apalagi jika orang lain yang mendapatkan ilmu yang diajar itu mengajarkannya kepada orang lain, maka pahala pun akan terus menerus mengalir. Dalam era internet sekarang ini, di mana penggunaan media sosial sudah menjadi suatu yang mendarahdaging kebanyakan manusia, maka tentunya mendapatkan pahala jariyah dari ilmu yang bermanfaat, lebih mudah. Dalam satu hadis Nabi SAW bersabda bermaksud, "Barangsiapa memberi petunjuk kepada kebaikan, maka ia akan mendapatkan pahala seperti pahala orang yang mengikuti ajakannya tanpa mengurangi pahala mereka sedikit pun juga". (HR. Muslim)

Ketiga, amal jariyah berbentuk doa anak yang shaleh. Doa anak yang shaleh akan bermanfaat bagi orang tuanya di alam kubur selama orang tua tersebut meninggal dalam keadaan beriman (bukan meninggal di atas kekafiran). Nabi SAW dalam sebuah hadisnya, bersabda bermaksud "Sungguh, Allah benar-benar mengangkat derajat seorang hamba-Nya yang shalih di syurga, maka ia pun bertanya: 'Wahai Rabbku, bagaimana ini bisa terjadi?' Allah menjawab: 'Berkat permintaan ampunan dari anakmu bagi dirimu'". (HR: Ahmad, Ibnu Majah.). Oleh karena itu, sewajarnya para orang tua mengutamakan pendidikan anak-anak agar tergolong dalam kalangan generasi anak-anak yang sholeh, anak-anak yang sentiasa mengingati orang tua mereka dalam doa masing-masing.

Demikian tiga bentuk amal jariyah yang dipesan Rasulullah SAW untuk umatnya laksanakan. Semoga tulisan ringkas ini bermanfaat dan turut menjadi amal jariyah bagi penulis. Segala puji bagi Allah yang hanya dengan nikmat-Nya sajalah segala amal kebaikan menjadi sempurna.

KOPLIT

Hubungi Kami:

KOPERASI PERUMAHAN LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERHAD

A-03-2, Jalan Medan Pusat Bandar 5,
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.
Tel: 03-8927 4244, Fax: 03-8927 5244

Email: info@koplit.com.my

019-220 6244

JOM JADI AHLI KOPLIT

BULETIN KOPLIT
BIL 2

Rekabentuk Grafik
AIFAS MEDIA
www.aifasmedia.com